
PANDUAN PENGGUNA PORTAL eTAKSIRAN PPJ

Pendaftaran Akaun Login Baru


Layar ke https://taksiran.ppj.gov.my



1. Pilih **Jenis ID Pelanggan**.
    a. Untuk orang awam boleh pilih **B – K/P BARU** untuk menjadikan nombor kad pengenalan sebagai ID Pelanggan.
    b. Untuk syarikat, boleh pilih **S – DAFTAR SYARIKAT** untuk menjadikan nombor daftar syarikat sebagai ID Pelanggan.

2. Masukkan **Nombor ID Pelanggan** (Nombor Kad Pengenalan jika pilihan Jenis ID Pelanggan ialah K/P BARU) Klik butang **Seterusnya**.

Isi maklumat pelanggan




1. Skrin ini akan dipaparkan. Sila masukkan maklumat yang wajib diisi
    a. Nombor Telefon Bimbit
    b. Nama Penuh
    c. Emel
    d. Katalaluan

    Nota:

    - ***Nombor Telefon Bimbit*** *sila masuk dalam format 0123456789. Tidak perlu masukkan – atau ( ) atau jejarak. Nombor telefon ini akan diguna untuk penghantaran SMS.*
    - ***Emel*** *sila masuk mengikut format emel yang betul.*
    - ***Katalaluan*** *mestilah sekurang-kurangnya lapan (8) aksara dengan gabungan antara huruf dan nombor (alphanumeric) dan aksara khas.*
    - *Klik butang* ***Seterusnya****.*

Pengesahan Nombor Telefon Bimbit



1. Klik **Minta OTP** (One Time Pass) untuk mendapatkan satu SMS yang akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda.




2. Masukkan 6 digit OTP yang diterima dalam SMS ke dalam ruangan OTP, klik **Hantar** untuk teruskan pendaftaran pelanggan baru.


   Nota:

   - *Klik **Kembali** untuk betulkan nombor telefon bimbit, jika perlu.*
   - *OTP akan luput dalam masa 5 minit, oleh itu, pengesahan perlu dibuat dalam masa 5 minit.*
   - *Hanya boleh minta OTP sebanyak 10 kali*

Log Masuk eTaksiran




1. Masukkan **Nombor ID Pelanggan.** Klik butang **Seterusnya**.



2. Masukkan Kata laluan anda dan klik butang Log Masuk


Skrin Senarai Akaun Cukai Taksiran



1. Akaun cukai taksiran yang telah wujud akan memaparkan skrin seperti di atas.
2. Anda boleh menambah akaun cukai taksiran kegemaran untuk rumah anda atau ahli keluarga anda.

Tambah Akaun Cukai Taksiran Kegemaran

1. Klik butang **Tambah Kegemaran**



2. Skrin **Tambah Kegemaran** akan dipaparkan seperti diatas.

3. Untuk tambah akaun, anda boleh masukkan kombinasi:


Jenis ID Pelanggan	**+**	**Nombor ID Pelanggan**	**+**	**AUID**

ATAU


Jenis ID Pelanggan	**+**	**Nombor ID Pelanggan**	**+**	**Akaun Pelanggan**

Nota:

- *Nombor AUID boleh diperolehi dalam bahagian kanan atas bil cukai taksiran.*
- *Nombor Akaun hanya perlu masukkan **6 digit terakhir**.*




4. Klik **butang**  untuk tambah akaun kegemaran.




5. Contoh akaun kegemaran yang dipapar dalam skrin.
6. Klik butang  ini untuk melihat maklumat akaun.

Bayar Cukai Taksiran



1. Untuk bayar cukai taksiran, klik butang **Bayar Cukai**.




2. Pilih dan masukkan amaun bayaran, klik **Bayar Cukai** untuk pergi ke skrin bayaran FPX. Cara bayaran FPX adalah berbeza mengikut pilihan Bank.

3. Selepas bayaran FPX Berjaya, skrin bayaran FPX Berjaya akan dipaparkan.


Nota:

- *Untuk bayaran FPX yang Berjaya tetapi skrin bayaran Berjaya gagal dipaparkan, sistem akan kemaskini keputusan FPX dalam masa 30 minit. Anda boleh membuat semakan bayaran dalam skrin* ***Transaksi Bayaran Online****.*
- *Bayaran cukai tidak boleh dilakukan ke atas akaun yang mempunyai baki RM0.00.*

Semakan Transaksi Bayaran Online



1. Klik **Transaksi Bayaran Online** dalam skrin **Harta**.



2. Senarai Transaksi bayaran akan dipaparkan. Untuk status bayaran FPX yang Berjaya, anda boleh klik 

butang untuk muat turun resit bayaran